

BULETIN MDG

MAJLIS DAERAH GERIK



"MENUJU ERA GEMILANG"

EDISI OGOS - DISEMBER 2025

BIL 2/25



"FIESTA LOMA GERIK RAI
EKOSISTEM SUNGAI,
SATUKAN MASYARAKAT."



KAUNTER KEMPEN JOM BAYAR DI
HENTIAN BAS GERIK SEMPERNA
ROYAL BELUM MUSIC FESTIVAL



MAJLIS DAERAH GERIK
MENERIMA ANUGERAH
BANDAR MAMPAN 2025



MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG
2024 & SAMBUTAN JASAMU
DIKENANG KAKITANGAN
MAJLIS DAERAH GERIK 2025



Perutusan YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK

**“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Gerik Gemilang”**

**Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran
dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan
limpah rahmat dan izin-Nya, Buletin MDG Bilangan
1/2025 berjaya diterbitkan sebagai medium
informasi rasmi Majlis Daerah Gerik kepada para
pembaca sekalian.**



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Sidang Redaksi Buletin atas komitmen, usaha dan dedikasi yang telah dicurahkan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Tidak dilupakan juga Setiausaha, Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh warga MDG yang sentiasa berganding bahu dalam memastikan kelancaran pentadbiran dan kecemerlangan perkhidmatan kepada masyarakat.

Tahun 2025 membuka lembaran baharu dalam usaha kita memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan dan melaksanakan agenda pembangunan yang lebih mampan, inklusif dan berimpak tinggi. Dengan semangat kebersamaan serta kerjasama seluruh warga kerja MDG, saya yakin kita mampu mencapai lebih banyak kejayaan dan pengiktirafan, bukan sahaja di peringkat negeri, malah di peringkat kebangsaan.

Buletin ini bukan sahaja menjadi saluran penyampaian maklumat terkini berkaitan aktiviti dan program Majlis, malah berperanan sebagai wahana komunikasi dan keterlibatan antara Majlis dan masyarakat. Justeru, saya berharap penerbitan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh semua pihak sebagai sumber rujukan dan inspirasi.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengorak langkah ke hadapan dengan semangat yang jitu demi membina Gerik Menuju Era Gemilang.

Buletin Majlis Daerah Gerik (MDG) - 2025

Selamat datang ke E-Buletin Majlis Daerah Gerik (MDG), medium rasmi yang memaparkan aktiviti, program, pencapaian serta inisiatif yang dilaksanakan oleh MDG dari semasa ke semasa. Penerbitan ini menjadi platform untuk menyalurkan maklumat terkini kepada masyarakat berkaitan peranan dan tanggungjawab MDG dalam memastikan pembangunan daerah Gerik berjalan secara terancang, mampan dan inklusif.



SIDANG REDAKSI BULETIN MD GERIK

PENAUNG

TN. MOHAMAD FITRI BIN HASSAN (P.C.M.)
YANG DIPERTUA MD GERIK

PENASIHAT

AHMAD FAZRIL BIN RAMLI
PEGAWAI TADBIR, SETIAUSAHA, N9

KETUA EDITOR

MOHD KHAIRUL ANWAR BIN HUSSAIN
PEN. PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT

EDITOR

NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR
PEMBANTU TADBIR

JURUFOTO

MUSTAQIM BIN KHAIRUL HIZAD
AINUDDIN BIN KAMARUDIN
NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR

DITERBITKAN OLEH

BAHAGIAN KORPORAT,
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS DAERAH GERIK



Membangunkan sebuah daerah yang progresif, harmoni dan sejahtera

Semoga perkongsian ini dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penglibatan masyarakat dalam bersama-sama membangunkan Gerik sebagai sebuah daerah yang progresif, harmoni dan sejahtera.

OGOS 2025



KAUNTER KEMPEN JOM BAYAR DI HENTIAN BAS GERIK SEMPENA ROYAL BELUM MUSIC FESTIVAL

PELBAGAI PEMBAYARAN BOLEH DILAKSANAKAN SEPERTI:-

- BAYARAN & TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
- BAYARAN SEWAAN
- PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN / PERMIT PERNIAGAAN
- PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN
- PENDAFTARAN LESEN DI BAWAH ENAKMEN HOTEL (CPT)



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024 & SAMBUTAN JASAMU DIKENANG KAKITANGAN MAJLIS DAERAH GERIK 2025



Pengiktirafan ini diberikan sebagai tanda penghargaan atas dedikasi, komitmen, dan sumbangan cemerlang dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab.



Majlis anugerah ini telah dirasmikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



Seramai 7 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 10 orang penerima Anugerah Yang Dipertua yang telah diraikan dalam majlis ini.

HARI CUCI MALAYSIA 2025 – PEKAN GERIK



Program Pembersihan Mega Seluruh Negara sempena World Cleanup Day 2025 di Pekan Gerik telah berlangsung dengan jayanya.

Program ini mendapat penyertaan sukarelawan, agensi kerajaan, NGO dan masyarakat setempat yang bersama-sama memastikan persekitaran lebih bersih dan harmoni.



Semoga semangat menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar terus dipupuk demi kesejahteraan bersama.

OKTOBER 2025

TOWNHALL BERSAMA PUNCAK EMAS INFRA SDN BHD




Program ini turut memberi ruang perbincangan dua hala yang konstruktif antara pihak terlibat bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan secara teratur, telus dan berkesan demi kepentingan komuniti setempat.

Sesi Townhall bersama Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. telah diadakan di Dewan Persidangan Gerik pada 29 Oktober 2025 (Rabu). Sesi ini menjadi platform penting dalam memperkukuh kerjasama strategik serta meningkatkan kefahaman berkaitan pelaksanaan projek dan pembangunan setempat.



FIESTA LOMA GERIK 2025



Fiesta Loma 2025 berlangsung pada 3 hingga 5 Oktober 2025 di Dataran Jong dan Dataran Loma, Gerik telah melabuhkan tirainya dengan penuh kemeriahan dan sambutan luar biasa daripada orang ramai, mahu pun dari dalam dan luar Gerik. Perasmian penutup ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia (DYTM), Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa pada 5 Oktober di Dataran Loma, Kuala Rui Gerik.

Program anjuran Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Daerah Gerik (MDG) dengan kerjasama jabatan dan agensi di daerah Hulu Perak, serta persatuan dan pertubuhan tempatan, telah berjaya menghimpunkan masyarakat setempat dari pelbagai peringkat umur dan pengunjung yang hadir dari dalam dan luar daerah bagi meraikan satu acara berteraskan warisan, budaya dan pelancongan.

Pelbagai aktiviti menarik yang telah disusun oleh pihak penganjur seperti pertandingan perlumbaan rakit, sukaneka bertemakan sukan rakyat, reruai pameran dan khemah jualan, serta pelbagai demonstrasi dan persembahan yang telah diadakan sepanjang tiga hari pengumuman, menjadikan Fiesta Loma ini sebagai platform memperkukuh semangat komuniti dan memperkenalkan keunikan budaya dan warisan tempatan kepada umum.

"Fiesta Loma Gerik rai ekosistem sungai, satukan masyarakat."



OKTOBER 2025



OKTOBER 2025

PROGRAM BENGKEL PENANDA ARAS KE KYROL SECURITY LABS, ZETRIX AI (MY E.G. SERVICES BERHAD) DAN LAWATAN KE KL PARK FESTIVAL 2025 DI TAMAN TASIK TITIWANGSA KUALA LUMPUR.



Pada 27 Oktober 2025, Majlis Daerah Gerik (MDG) menghadiri Bengkel dan Lawatan Technology Update anjuran KYROL Security Labs di Cyberjaya serta sesi perbincangan sistem perkhidmatan atas talian di ZETRIX AI. Lawatan ini memberi pendedahan mengenai keselamatan siber dan transformasi digital bagi memperkukuh kecekapan pentadbiran PBT.

MDG turut mengunjungi KL Park Festival di Taman Tasik Titiwangsa sempena ASEAN Summit 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026 sebagai sokongan kepada inisiatif pembangunan bandar mampan.



NOVEMBER 2025

KURSUS ASAS AI DIGITAL DAN MICROSOFT MAJLIS DAERAH GERIK



Pada 25, 26 & 28 November 2025, Majlis Daerah Gerik (MDG) dengan kerjasama Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Pekan Grik telah mengadakan Kursus Asas AI Digital dan Microsoft untuk meningkatkan kemahiran penggunaan aplikasi digital dalam tugas harian kakitangan MDG bertempat di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Pekan Gerik

Seramai 31 orang peserta yang terlibat untuk 3 sesi tersebut.



Program ini diadakan bagi memastikan warga kerja MDG lebih cekap, efisien dan selari dengan keperluan teknologi semasa.

MAJLIS DAERAH GERIK MENERIMA ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2025 SEMPENA HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Pada 8 Disember 2025, Majlis Daerah Gerik (MDG) melakar pencapaian apabila menerima Sijil Penghargaan Anugerah Bandar Mampan 2025 bersempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan, yang telah diadakan di Dewan Bandaran Majlis Daerah Kampar . Anugerah ini adalah bagi menghargai peranan pihak berkuasa tempatan dalam memacu pembangunan bandar secara terancang dan berdaya huni.



Sijil penghargaan tersebut telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak kepada YBrs. Tuan Muhammad Fitri Bin Hassan, Yang Dipertua MDG, sebagai pengiktirafan atas komitmen dan usaha berterusan pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan pembangunan mampan, memperkukuh kelestarian persekitaran serta memastikan kesejahteraan komuniti bandar.

TAKLIMAT PENAMBAHBAIKAN DASAR PROGRAM KUTIPAN SAMPAH LUAR KAWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH GERIK

Taklimat Penambahbaikan Dasar Program Kutipan Sampah Luar Kawasan Operasi Majlis Daerah Gerik telah berjaya diadakan pada 10 Disember 2025. Sesi taklimat ini telah dipengerusikan oleh Pn. Norhasmaliana binti Ismail, Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak. Beliau turut menekankan kepentingan penambahbaikan dasar serta penyelarasan berterusan antara pihak berkuasa tempatan, jabatan teknikal dan kepimpinan komuniti bagi memastikan perkhidmatan kutipan sampah berjalan lebih teratur, efisien dan menepati keperluan penduduk.



Komitmen bersama ini amat penting dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan dan kelestarian Majlis Daerah Gerik.



SAMBUTAN AMBANG TAHUN BARU 2026 & PASAR P RAMLEE SALOMA



Sambutan Ambang Tahun Baru 2026 dan Pasar P. Ramlee Saloma telah diadakan pada 30 & 31 Disember 2025 bertempat di sekitar Hentian Bas dan Lorong Seni Gerik. Program ini mengetengahkan tema Etnik Malaysia, yang menggalakkan orang ramai hadir dengan mengenakan pakaian tradisional bagi menonjolkan kepelbagaian budaya dan warisan masyarakat Malaysia.



Pelbagai aktiviti menarik akan dianjurkan sepanjang program berlangsung, antaranya jualan pasar Saloma, pameran dan jualan usahawan tempatan, night fun walk serta acara kemuncak countdown Tahun Baru 2026 yang diserikan dengan pertunjukan bunga api.





EMAIL:

mdg@gerik.gov.my

NO TELEFON:

05-7912305

ALAMAT:

Pejabat Majlis Daerah Gerik
Jalan Haji Meor Yahaya
33300 Gerik, Perak.

FACEBOOK:

Majlis Daerah Gerik

PORTAL:

Majlis Daerah Gerik

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MDG